

Rapatkan jurang pendapatan

UM - 28/5/2006

Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk mengurangkan nisbah pendapatan luar bandar dengan bandar kepada 1:2 pada 2010

— Abdullah Ahmad Badawi

Oleh FAUZIAH AROF

SHAH ALAM 27 Mei — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bimbang jurang pendapatan antara penduduk luar bandar dan bandar di Malaysia yang sebelum ini berjaya dirapatkan pada 1990-an mula melebar semula dan hampir menyamai 1970.

Perdana Menteri berkata, walaupun pada hakikatnya taraf hidup masyarakat luar bandar kian baik sejak merdeka, tetapi statistik terkini menunjukkan kadar kemiskinan luar bandar pada 2004 masih lebih dua kali ganda kadar kemiskinan seluruh Malaysia dan enam kali ganda kadar kemiskinan di bandar.

Beliau memberitahu, kini nisbah pendapatan antara penduduk luar bandar dan bandar hampir menyamai nisbah pada 1970 iaitu 1:2.14, berbanding 1:2.11 pada 2004.

Sekiranya keadaan itu dibiarkan berlanjutan, kata Abdullah, usaha-usaha kerajaan membangun dan menaik taraf kualiti hidup penduduk negara ini akan terjejas.

"Sehubungan itu kerajaan bertekad untuk mengambil langkah-langkah tertentu secara tertumpu dan segera untuk menangani masalah ini sebagai tanda komitmen kerajaan untuk membela nasib rakyat luar bandar.

"Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk mengurangkan nisbah pendapatan luar bandar dengan bandar kepada 1:2 pada 2010," tegas beliau.

Perdana Menteri berkata demikian dalam amanatnya pada Majlis Pelancaran Program Pembangu-

nan Modal Insan Luar Bandar di Stadium Malawati, di sini hari ini. Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak.

Hadir sama ialah Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Abdul Aziz Shamsuddin.

Abdullah menambah, bagi membangunkan masyarakat luar bandar serta meningkatkan tahap pendapatan mereka, kerajaan akan menggunakan pendekatan yang menyeluruh berasaskan kepada tiga tonggak utama iaitu:

Melaksanakan program-program pembangunan luar bandar yang menekankan pembangunan modal insan;

Membuka peluang-peluang ekonomi yang baru supaya penduduk luar bandar dapat menjana pendapatan ekonomi yang berterusan;

Mengukuhkan keupayaan institusi sosial luar bandar dan keupayaan pelaksanaan.

"Strategi pertama kerajaan adalah untuk melaksanakan program-program pembangunan yang menekankan pembangunan modal insan secara menyeluruh kerana pembangunan modal insan negara yang berkualiti merupakan elemen paling kritikal dalam menjayakan misi nasional negara," ujarnya.

Perdana Menteri menekankan bahawa pembangunan modal insan yang menyeluruh itu bermaksud terbaik dari semua aspek iaitu ilmu pengetahuan, kemahiran dan jati diri seseorang.

Abdullah berkata, strategi kedua kerajaan pula ialah membangunkan masyarakat luar bandar de-



NAJIB Tun Razak menerima replika kad keahlian Kelab Sahabat Kemas daripada Abdul Aziz Shamsuddin sempena perasmian Program Pembangunan Modal Insan Luar Bandar di Stadium Malawati, Shah Alam semalam.

ngan membuka peluang-peluang ekonomi baru supaya penduduk luar bandar dapat menjana pendapatan ekonomi yang stabil dan berterusan.

"Kerajaan akan membangunkan kawasan-kawasan pertumbuhan baru secara bersepadu, kampung-kampung akan disatukan untuk mewujudkan pusat-pusat pertumbuhan baru di kawasan luar bandar," katanya.

Dalam pada itu, tambahnya, kerajaan juga akan mempertingkatkan keberkesanan kemudahan-prasarana dan menggalakkan pertumbuhan peluang baru ekonomi untuk menjana pendapatan dan peluang pekerjaan terutama berkai-

tan pertanian baru, industri asas tani dan sektor perkhidmatan.

Strategi ketiga, kata beliau adalah mengukuhkan keupayaan institusi sosial luar bandar dan keupayaannya yang terdiri daripada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), persatuan masyarakat dan gerakan koperasi.

Perdana Menteri menambah, institusi sosial seperti itu adalah penting kerana sering kali tugas merancang, mengurus dan menyelaras pelaksanaan projek-projek pembangunan luar bandar dilaksanakan bersama institusi-institusi terbabit.

Pada majlis itu, Najib turut me-

lancarkan Kelab Sahabat Kemas yang ditubuhkan sebagai satu mekanisme untuk mempercepat, menggalak, memperhebat dan merealisasikan pembangunan sumber manusia yang cemerlang dan berdaya saing di kalangan masyarakat luar bandar.